

Rusuhan, keganasan bukan budaya kita: PM

Rakyat ingin keamanan berterusan jamin kesejahteraan negara

Oleh Ismail Mat,
Khairul Anuar Abdul Samad
dan Wan Faizal Ismayatim

PASIR MAS: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam berkata, perbuatan rusuh di tempat awam ialah tindakan yang tidak sesuai dengan nilai hidup masyarakat dan keadaan negara ini yang hakikatnya berada dalam keadaan aman.

Perdana Menteri berkata, rakyat di negara ini sebenarnya inginkan keadaan yang aman dan menolak sebarang tindakan ganas yang dicekutkan segelintir pihak yang tidak berpuas hati dengan sesuatu perkara.

"Kita tidak hadapi masalah seperti itu, sebab kita jaga negara sehingga dapat terus hidup dalam keadaan selamat. Kita tidak mahu golongan bertindak liar, melakukan rusuhan dan menyusahkan orang ramai.

"Kita mahukan keamanan kekal di negara ini kerana Allah sendiri tidak suka orang yang buat kacau dan kerosakan di atas muka bumi," katanya berucap pada majlis penyampaian sumbangan kepada 3,000 ibu tunggal dan golongan daif di kawasan Parlimen Pasir Mas dan Rantau Panjang di Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkong dekat sini, petang semalam.

Turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapha Mohamed dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Husin serta Ketua Umno Bahagian Pasir Mas, Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman.

Abdullah berkata demikian sebagai mengulas kejadian rusuhan di Batu Buruk, Terengganu pada 8 September lalu yang dipercayai membabitkan kira-kira 500 penyokong parti pembangkang, menyebabkan tujuh orang, termasuk empat anggota polis, cedera.

Dalam kejadian itu, kumpulan perusuh berkenaan bertindak agresif selepas diminta oleh polis supaya berundur daripada satu perhimpunan haram sehingga menyebabkan 23 orang ditahan kerana bertindak ganas termasuk menyerang polis dan membakar Jalur Gemilang.



RINGKANKAN BEBAN: Abdullah menyampaikan sumbangan sambil diperhatikan Annuar kepada ibu tunggal dan golongan daif di kawasan Parlimen Pasir Mas dan Rantau Panjang di Pasir Mas, petang semalam.

Sementara itu katanya, kerajaan tidak mahu lagi melihat kemiskinan menjadi punca ada anak di negara ini tercicir daripada alam persekolahan.

Perdana Menteri berkata, pemanusiaan yuran peperiksaan, persekolahan serta bantuan buku teks sepenuhnya oleh kerajaan bertujuan memastikan semua keluarga mampu memastikan persekolahan anak mereka walaupun ramai.

Perdana Menteri berkata, beliau berpegang kuat dan percaya menerusi pelajaran dan pendidikan tinggi, kehidupan anak-anak dan generasi akan datang lebih selamat.

"Saya tahu masih ada (lulusan universiti) yang tak dapat kerja, tetapi kita galakkan mereka yang menganggur ini untuk berusaha sendiri kerana mereka mampu menempa kejayaan," katanya.

Abdullah berkata, menerusi pelajaran dan ilmu, hidup anak dan generasi muda tidak akan sesat serta mempunyai kemampuan untuk jadi

orang yang baik.

"Ramai anak kita berpangkat besar dan menjadi usahawan di Kuala Lumpur, kebanyakan mereka berasal dari kampung dan ibu bapa mereka orang susah. Kepada mereka, bila berjaya, sayangi dan bantulah ibu bapa yang banyak berkorban, tunjukkan kasih sayang kepada semua dan sesama kita sebab kasih sayang itu berkekalan," katanya.

Sementara itu, pada Majlis Pemim-

FAKTA NOMBOR

Peruntukan di Tanah Merah

9

Projek

RM378j

Nilai projek

pin Bersama Rakyat Parlimen Tanah Merah dan membuka puasa bersama kira-kira 10,000 hadirin di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah I di sini, petang semalam, Abdullah mengumumkan pelaksanaan sembilan projek bernilai RM378 juta sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di kawasan Parlimen Tanah Merah.

Perdana Menteri berkata, projek yang akan dilaksanakan adalah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) bernilai RM80 juta, Poliklinik Bandar Tanah Merah RM20 juta, pembesaran Hospital Tanah Merah RM70 juta dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) RM65 juta.

Abdullah turut mengumumkan pembangunan SMK Belimbing Baru bernilai RM18 juta, bangunan gantian sekolah rendah dan menengah RM25 juta, projek jalan kampung, kemudahan sosial, penyelenggaraan bangunan awam RM30 juta dan jalan pintas Tanah Merah - laluan kereta api RM70 juta.